



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR 3.0 (HARI PERTAMA)

**RAUB, PAHANG** – Siri 3 Jelajah FTRoadpedia Zon Timur (**FTRoadpedia Zon Timur 3.0**) berlangsung mulai 11 hingga 13 Ogos 2022. Ia adalah kesinambungan kepada siri 1 dan 2 FTRoadpedia Zon Timur pada 2017 dan 2019. Jelajah kali ini menelusuri tiga negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Perak.

Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof telah mengetuai jelajah ini dengan disertai pengurusan tertinggi Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan juga wakil media. Objektif program adalah bagi meninjau kualiti penyenggaraan Jalan Persekutuan terutama di laluan yang tinggi aduan, selain meninjau kemajuan projek pembangunan semasa serta infra pasca banjir.

Tinjauan pertama melibatkan laluan FT218, seksyen 24.80, Jalan Lama Bentong – Raub yang merupakan laluan utama dari Raub ke Bukit Fraser, Kuala Kubu Bharu dan Hulu Selangor. Di sini telah berlaku kejadian jambatan runtuh akibat hujan lebat berterusan pada Februari 2022. Jambatan berkenaan telah digantikan dengan jambatan sementara iaitu Jambatan Bailey yang mula dipasang pada 24 Februari 2022 dan siap sepenuhnya pada 27 Februari 2022. Pembinaan jalan tuju dua hala ke jambatan tersebut sepanjang 100 meter telah siap sepenuhnya pada 4 Mac 2022. Bagi tujuan pengantian jambatan kekal, permohonan telah dibuat dalam RMK-ke 12 dengan anggaran kos keseluruhan RM10 juta.

Lokasi kedua juga melibatkan pasca banjir di laluan Jalan Persekutuan FT08 Seksyen 85.7 Jalan Bentong – Gua Musang, Daerah Lipis, Pahang. Di lokasi ini telah berlaku kejadian cerun runtuh pada Disember 2021. Kerja pembaikan cerun menggunakan kaedah *armour rock site A and site B*. Kerja-kerja pembaikan telah bermula pada 20 Januari 2022 dan siap sepenuhnya pada 19 Julai 2022 (6 bulan) dengan jumlah keseluruhan kos pembaikan sebanyak RM4.5juta.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

Seterusnya, ahli jelajah FTRoadpedia tiba di negeri Kelantan dan terus meninjau projek Menganti Jambatan Sungai Durian, Kuala Krai Kelantan. Projek di laluan FT08 ini telah bermula pada Jun 2021 dan dijangka siap pada Februari 2024. Status kemajuan semasa projek adalah 26.38%. Anggaran kos bagi projek ini adalah RM15.250 juta melibatkan skop kerja pembersihan tapak, kerja tanah, kerja pavemen dan lain-lain. Apabila siap kelak, projek ini dapat membantu penyuraian trafik di kawasan berkenaan.

Ahli jelajah juga telah dibawa melalui jalan negeri D110 iaitu Jalan Tiong – Pasir Tumbuh. Laluan ini telah dicadangkan untuk diwartakan menjadi Jalan Persekutuan. Cadangan pewartakan ini telah diluluskan di Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan kali ke 4/2021 pada 10 Mac 2021. Setelah diwartakan secara rasmi kelak, ia akan menjadi pelengkap dan tiada lagi laluan yang terputus (*missing link*) antara jalan FT03 dan FT209. Cadangan pewartakan tersebut melibatkan laluan sepanjang 4.83km bermula di Persimpangan FT209, Jalan Wakaf Che Yeh ke Pasir Hor dan ke persimpangan FT003, Jalan Kuala Terengganu – Kota Bharu.

Sebagai peneraju infrastruktur negara, Kementerian Kerja Raya akan sentiasa komited dan memberi perhatian dalam pelbagai aspek bagi memastikan infrastruktur negara sentiasa dalam keadaan baik demi keselamatan dan keselesaan Keluarga Malaysia.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**11 OGOS 2022**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur